



## Sedekad 10 sambut 10 tahun penubuhan Kolej 10 UPM



Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin merasmikan majlis penutup program Sedekad Sepuluh.

SERDANG, 22 Feb – Kolej Sepuluh, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menyambut ulang tahun ke-10 penubuhan kolej tersebut pada majlis Sedekad Sepuluh yang diadakan di kolej tersebut baru-baru ini.

Ahli Lembaga Pengarah UPM, Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin berkata program yang dianjurkan mengimbaskan kembali sejarah dan peristiwa kolej tersebut sejak penubuhannya pada 1 April 1999.

"Program ini dapat meningkatkan semangat kerja berpasukan selain melahirkan sifat kepimpinan dalam diri pelajar.

"Setiap pelajar perlu mengambil peluang melibatkan diri dalam program tersebut untuk mengasah bakat kepimpinan selain dapat mengeratkan silaturahim antara pelajar dan staf kolej," katanya pada majlis Sedekad Sepuluh di kolej berkenaan.

Menurut beliau, dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu pelajar perlu mengimbangi kegiatan akademik dan aktiviti luar demi meningkatkan nilai dan potensi diri bagi memenuhi pasaran kerja yang semakin mencabar.

Tambah beliau, pelajar perlu ada sikap ingin berjaya walaupun perlu banyak pengorbanan masa dan tenaga bagi mencapai tujuan tersebut.

Program selama tiga hari itu bermula 20 hingga 22 Februari yang lalu telah mengaturkan pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan masakan, rugbi lima sebelah, abseling, permainan komputer, explorerace, band muzik selain terdapat galeri pameran, bazar jualan dan program Jom Baik K10.

Kolej 10 merupakan kolej yang menempatkan majoriti mahasiswa Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Rekabentuk dan Senibina.



Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin melihat hasil rekacipta pelajar kolej tersebut sambil diperhatikan oleh Prof. Datuk Paduka Dr. Aini Ideris, Prof. Dr. Azali Mohamed dan Dr. Azizam Aziz.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.